

Publication	Utusan Borneo	Section /Page No.	Horizon / Pg. A3
Date	Thu, 14th Sept 2017	Lead Article	Yes
Headline	Pan Borneo, Bukan Sekadar Jalan Raya		

Pan Borneo, bukan sekadar jalan raya

Oleh Akhiz Azizi Haniff

Di atas kertas, laluan lebih 2,000 kilometer (km) dan Teluk Melano di penghujung barat daya Sarawak sehingga ke Serudong nun jauh di penghujung negeri Sabah sana hanyalah laluan jalan darat yang panjang menghubungkan dua negeri Malaysia di pulau Borneo, merentasi negara Brunei Darussalam. Namun hakikatnya sama seperti Lebuhraya Utara Selatan yang menawarkan perjalanan darat selesa antara Bukit Kayu Hitam di utara dan Johor Bahru di selatan negara, ia bakal menjadi pemangkin utama yang akan memacu pertumbuhan ekonomi kawasan-kawasan yang dientasinya.

Beza perbandingannya cukup mudah — Lebuhraya Plus membabitkan laluan sejauh 772km, manakala laluan Pan Borneo menjangkau lebih dua kali ganda jauhnya; dan semasa tol dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru memotong sehingga lebih RM100 untuk perjalanan sehalu, Lebuhraya Pan Borneo — tanpa tol, pandualah sepuas hati.

Agenda transformasi nasional (TNS) yang menekankan soal 'inklusi', ingin melihat seluruh rakyat melangkah seiring untuk maju bersama ke hadapan tanpa meninggalkan mana-mana kelompok di belakang dalam membentuk satu keluarga besar yang progresif di bawah satu bendera.

Asalnya, kira-kira 300 penduduk di Teluk Melano, kira-kira 100km dari bandar raya Kuching sama sekali tidak menjangka manifesto Bansan Nasional (BN) mengenai tekad lebuhraya yang dianggarkan lebih RM29 bilion itu (RM18.49 bilion buat laluan di Sarawak dan RM12.86 bilion di Sabah) yang dijangka siap sekitar tahun 2023, akan turut membawa rahmat kepada mereka.

Teluk Melano, perkampungan nelayan yang kecil bersempadan dengan Indonesia, tidak mempunyai jalan yang sempurna untuk berhubung dengan dunia luar, dengan hanya beberapa menjadi pengangkutan paling hampir, lebih 'selesa' dihubungi dengan jalan laut.

Rancangan asal Pan Borneo hanyalah membabitkan laluan dari Sematan ke Miri sahaja, namun atas permintaan Ketua Menteri Sarawak kemanyan, Aliahyaham Tan Sri Adenan Satem, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah meluluskan pakej laluan



SEMBLENGUSAH: Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof (tengah) bersama Menteri Muda Pembangunan Keselamatan dan Industri Kecil Sederhana Sarawak Datuk Naredin Majlis (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Datuk Husni Salleh pada majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman Berkenaan Program Kemudahan Pembiayaan Kontraktor di Bawah Lebuhraya Pan Borneo di Kuching, Ogos lalu. — *Gambar Bersema*

32.77km antara Teluk Melano dan Sematan yang membabitkan tambahan RM580 juta.

Seorang penduduk, Adenan Sabas, 59, berkata apabila disiapkan, laluan itu akan memudahkan perjalanan penduduk ke Sematan, malah seterusnya ke bandar-bandar lain di Sarawak, memandangkan ketika ini penduduk terpaksa menggunakan bot untuk berurusan di Sematan, dan ia adakalanya berbahaya serta terbasah memandangkan pergerakannya bergantung kepada keadaan gelora laut.

Kedudukannya di kawasan telok menghadiahkan panorama pantai indah untuk ditawarkan oleh kira-kira 54 keluarga di kawasan ini buat pelancong, di samping makanan laut yang lazat, dan ketika ini terdapat 25 kedai makan di kawasan ini.

Menurut Adenan, laluan 32.77km yang dijangka siap pada 2019 itu pasti akan dapat membawa lebih ramai pelancong asing ke Teluk Melano.

"Sayangnya Allahyarham Adenan (Ketua Menteri) sudah tiada."

"Jika beliau masih hidup, pasti beliau akan mengira melihat perkembangannya," katanya.

JALAN PELENGKAP

Jajaran Teluk Melano-Sematan merupakan salah satu daripada sembilan jajaran Pan Borneo yang disiapkan lebih awal berbanding perancangan, manakala tiga lagi

jajaran mengalami sedikit kelewatan disebabkan sedikit kesulitan dalam soal pengambilan tanah, namun Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof baru-baru ini memberi jaminan bahawa kerajaan komited keseluruhan 12 jajaran itu akan disiapkan mengikut jadual.

Selain Pan Borneo, Perdana Menteri turut memuktamadkan komitmen kerajaan untuk membina rangkaian jalan di kawasan pesisir pantai Sarawak bagi melancarkan pergerakan dari Sematan terus ke kawasan Koridor Tenaga Golek (Diperolehan) Sarawak (SCORE), sebagai pelengkap kepada pembangunan lebuhraya tanga tol itu.

Semasa melancarkan pembinaan Jambatan Batang Sadong yang bernilai RM231 juta tahun lepas Perdana Menteri berkata, selain Pan Borneo, satu lagi projek utama yang diadkan keutamakan kerajaan pusat di Sarawak dalam beberapa tahun ini ialah rangkaian jalan raya pesisir pantai.

Jalan raya pesisir pantai merujuk kepada akses yang menghubungkan pekan-pekan seperti Kota Samarahan, Sadong Jaya, Sebuyau, Kabong, Tanjung Manis, Daro, Matu, Balingian, dan seterusnya ke utara melalui sehingga ke Bintulu, sebagai jalan raya sambungan kepada Pan Borneo.

Desakan tugas seorang kontraktor Abang Abdul Kadir, 38, memaksa beliau sering berurusan di pekan-pekan sekitar



TURUT TERLIBAT: Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman menunjukkan pembangunan pesat bandar raya Kota Kinabalu kepada Timbalan Ketua Pegawai Bername Datuk Mohd. Hussain yang jelas kelihatan dari Pejabat Ketua Menteri itu di Pusat Pendaftaran Kerajaan Negeri di Likas sebelum ditemu ramah berkaitan Pan Borneo di Sabah. Dalam temu ramah berkenaan, Musa percaya Pan Borneo Sabah bernilai RM12.88 bilion itu mampu memberi impak besar kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi Sabah. Fasa 1 700km dijangka siap pada 2021. — *Gambar Bersema*

kawasan pesisir pantai yang dilithnya berpotensi besar untuk maju ini, dan beliau boleh mencirikan betapa perjalanan ke utara negeri menerusi pekan-pekan ini boleh dipendekkan bagi menyediakan rangkaian jalan yang lebih efisien dan selesa buat penduduknya.

Beliau berkata, jambatan Batang Sadong benar-benar membantu ramai pengguna terutamanya sekitar Kota Samarahan dan Sadong Jaya memendekkan perjalanan mereka, namun untuk terus ke utara negeri, masih banyak laluan dan jambatan perlu dibangunkan.

Menurutnya, ketika ini beliau melihat

kerajaan sedang gigih membangunkan persimpangan untuk melengkapkan hubungan antara kampung-kampung serta rumah-rumah panjang di pedalaman dengan lebuhraya mega ini, selaras dengan aspek 'inklusi' yang menjadi agenda utama kerajaan.

Berita mengenai keputusan kerajaan untuk membangunkan jambatan terpanjang di Sarawak yang bernilai RM1 bilion baru-baru ini benar-benar disambut dengan rasa gembira, bukan sahaja oleh beliau, tapi boleh dikatakan seluruh penduduk di kawasan pesisir Sarawak itu.

Rancangan pembinaan jambatan 5 km itu melibatkan diluluskan dengan dasar perkhidmatan 50-50 antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dan ia dijangka

tengah, mengaluhi sungai terpanjang Negara Sungai Rajang di pedalaman Kapit juga ketika ini menjadi penuh sabar untuk menggunakan lebuhraya itu, namun sama seperti Teluk Melano, ia hanya dapat dihubungi dengan dunia luar menerusi bandar Sibau, yang ketika ini hanya dapat diaksesnya menerusi jalan sungai.

Kesungguhan Perdana Menteri untuk menyediakan laluan darat terselilah menerusi kunjungannya ke kawasan pedalaman Sarawak itu untuk melihat sendiri perkembangan projek jalan raya Jalan Kapit-Song-Kanowit-Sibu sepanjang 102 kilometer, membabitkan kos sekitar RM800 juta, yang dijangka siap menjelang 2015.

Menerusi catatan FB susulan lawatannya ke kawasan-kawasan ini tahun lepas, beliau menulis 'Projek Jalan Kapit-Song-Kanowit-Sibu ini dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun

setengah dan akan memberi manfaat kepada 100,570 penduduk sekitar Kapit, Kanowit serta Song dan mengurangkan ketergantungan kepada pengangkutan air'.

Seorang lagi kontraktor membangunkan jambatan Batang Lassa bagi melengkapkan perjalanan darat dari Tanjung Manis ke Mukah, meysuri pekan-pekan seperti Pulau Bruit, Daro dan Matu.

Menyusuri perjalanan darat dari Kuching melalui ke utara negeri ketika ini, pengguna lebuhraya dapat melihat dengan jelas di kiri dan kanan perjalanan, kerja-kerja pembersihan sedang gigih diusahakan, jangkak berselarak di tepi jalan, pelbagai struktur binaan di tepi jalan sudah dimusnahkan, dan pembangunan fizikal dapat dilihat dengan ketara.

Pada masa yang sama, penduduk di bahagian



PENBANGUNAN PESAT: Timbalan Ketua Menteri Tan Sri James Jemut Masing menunjukkan pada peta kemajuan projek jalan raya Kanowit-Kapit semasa melawat Jambatan Katibas di Song, bera-banai. Timbalan ADUN Katibas Datuk Ambrose Bilik (kiri), Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Alexander Nanta Linggi (tiga kiri), Ahli Parlimen Kanowit Datuk Aaron Ago Dagang (empat kiri) dan ADUN Bukit Goram Jefferson Jamit (kanan). — *Gambar Bersema*

